



LEE SIEW KEONG (tiga dari kiri) menyerahkan replika cek Dana Pendidikan Mahasiswa Miskin kepada **Noor Azlan Ghazali** (dua dari kanan) dalam Majlis MoU antara UKM dengan SKG World di Bangunan Canselor, UKM, Bangi, Selangor, semalam.

- UTUSAN/FARIZ RUSADIO

UKM terima dana pendidikan daripada SKG World

KUALA LUMPUR 24 Sept. - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) menerima Dana Pendidikan Dr. Lee Siew Keong berjumlah RM2 juta bagi membantu menghasilkan kualiti kehidupan yang lebih baik untuk pelajar-pelajar dalam kalangan kurang berkemampuan.

Dana pendidikan yang diasaskan oleh Dr. Lee Siew Keong yang juga Presiden SKG World Sdn. Bhd. (SKG World) itu adalah untuk tempoh lima tahun.

Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali berkata, dana tersebut bakal dimanfaatkan sebagai biasiswa penuh yang membiayai yuran pengajian, eluan sara diri dan buku rujukan pelajar sepanjang pengajian di peringkat sarjana muda.

"Saya berharap biasiswa ini bukan sahaja meringankan beban pelajar, tetapi dapat memberi keserasian dan peluang menumpu-

kan sepenuh perhatian kepada pembelajaran mereka.

"Para pelajar juga diharap menggunakan peluang ini sebaik-baiknya untuk menjadi graduan yang cemerlang dalam semua aspek dan berdaya saing," katanya selepas mendatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UKM dan SKG World mengenai dana tersebut, dekat sini semalam.

Yang turut hadir dalam majlis tersebut, Siew Keong; Timbalan Naib Canselor UKM, Prof. Dr. Imran Ho Abdullah serta Dekan Fakulti Sains dan Teknologi UKM, Prof. Dr. Sahrim Ahmad.

Mengulas lanjut, Noor Azlan berkata, antara kriteria penerima biasiswa tersebut adalah membabitkan pelajar kurang berkemampuan serta cemerlang dalam pelajaran.

"Sudah tentu ada kriteria yang ditetapkan dan diberi keutamaan

kepada golongan cemerlang yang kurang berkemampuan, ini juga adalah salah satu cara untuk mengeluarkan mereka daripada belenggu kemiskinan.

"Dana pendidikan ini bernilai RM2 juta dalam tempoh lima tahun, jadi pelajar yang bakal mendapat biasiswa ini lebih daripada 100 orang dengan jumlah perbelanjaan RM16,000 setiap seorang," katanya.

Tambahnya, SKG World juga akan membantu dalam membangunkan infrastruktur di UKM seperti pembinaan dua perhentian bas dan tiga bilik perbincangan untuk kemudahan pelajar.

"Ini hanyalah permulaan, mungkin pada masa akan datang kami akan bergerak bersama-sama dalam aspek penyelidikan kerana kami mempunyai visi yang sama di samping kesihatan menjadi teras utama SKG World," ujarnya.